

Adat Perpatih
Negeri Sembilan

oleh

M. SHARIF. F. HASSAN

**CERAMAH ADAT PERPATIH NEGERI SEMBILAN
SEKOLAH MENENGAH SHAIKH HJ. MOHD SAID.
JALAN TUNKU KURSHIAH, SEREMBAN, N.S.**

PADA 24.7.87 jam 9.00 PAGI.

Assalamualaikum,

Pelajar-pelajar sekalian,

Tajuk ceramah ini ialah Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Sebenarnya tajuk ini bukanlah asing kepada pelajar semua kerana mungkin pelajar-pelajar sendiri adalah terdiri daripada masyarakat penganut adat ini. Jadi ceramah saya ini serupalah seperti menceritakan sesuatu kepada pendengar-pendengar yang sudah sedia maklum. Namun demikian oleh kerana Adat Perpatih itu sangat luas bidangnya maka elok jugalah diikuti bersama, sekurang-kurangnya dapat menambahkan pengetahuan dan mengulang kaji semula apa yang telah ada dalam pengalaman.

Pelajar-pelajar dan para hadirin yang dihormati,

Adat Perpatih itu ialah satu Bidang-Undang atau peraturan hidup masyarakat susunan Dato' Perpatih nan Sebatang meliputi bidang-bidang kemasyarakatan, ekonomi, politik, pentadbiran, hukum jenayah dan lain-lain. Pendeknya Adat Perpatih adalah merupakan satu undang-undang hidup masyarakat zaman silam. Dalam ceramah hari ini saya akan menekankan ASAL-USUL adat itu dan AMALANNYA dalam masyarakat.

Seperti di maklum adat itu mula tumbuhnya di dalam Minangkabau Sumatra Barat kira-kira enam atau tujuh kurun yang lalu. Mengikut tambonya (Tambo Alam Minangkabau-Terambu) Dato' Perpatih itu masa kecilnya bernama Butan Balun, ibunya Puteri Indah Jelita, bapanya Minik Indah Jati, seorang bijak pandai guru tempat orang bertanya.

Beliau itu ada seorang abang semak berlainan bapa bernama Butan Paduka Basa bergelar Dato' Ketemanggungan. Mereka itu anak bangsa. Menurut ceritanya lagi pada waktu remaja kedua bersaudara itu pernah membantah mengenai adat yang baik dalam memerintah negeri yang membuatkan Dato' Perpatih (Butan Balun) keluar mengembara mencari ayahnya yang sedang bertapa dan menuntut ilmu kepada ayahnya.

Dalam pengembalaan itu, Di Negeri Tiku Periaman beliau diminta melancarkan perahu yang tidak mahu belayar. Akhirnya, perahu melancar apabila batang kalang perahu itu diganti dengan tubuh perempuan

mengandung sulung (kemanakan raja sendiri) perahu melancar- mulanya harta pusaka kepada perempuan.

Kemudian ia meneruskan pengembaraannya belayar sampai ke Burma Geylon dan ke China. Banyak mendapat pengalaman (bersuku-suku di N. Cina). Dalam pelayaran ia berjumpa sebatang kayu hanyut berisi perkakas tukang pahat dan beliung (pepatil) asal nama Perpatih nan Sebatang tambo.

Apabila balik ke negerinya Padang Panjang dilihat abangnya Dato' Ketemenggungan telah diberi memerintah kawasan KOTA dan PILING. Kemudian Dato' Perpatih diberi pula memerintah di kawasan perkampungan BODD dan CHENIAGA. Mereka berdamai semula dan sama-sama memerintah negeri di Badi Ceniaga dibentuklah oleh Dato' Perpatih kerajaan yang berdasarkan kepada perundingan dan muafakat serta budi dan akal tenaga manusia. Setiap apa yang hendak dibuat bermesyuaratlah mereka dahulu dan sebelah dapat bulatnya barulah ditegakkan adat negeri itu. Adat dan hukum yang berdasarkan fikiran orang ramai itu meluas pemakaiannya ke daerah-daerah Tanah Datar, Lima puluh kota dan Paya Kumbuh. Maka terbentuklah di situ sistem sosial yang demokratik. Disebut orang "Luruh Buai Ceniaga" cirinya "Duduk sehamparan teguh sepemalang".

Akan abangnya Dato' Ketemenggungan yang membuat negeri di KOTA dan PILIANG, kerajaan Bunga Setangkai berpusat di sungai Tarab itu membentuk pula sistem sosial masyarakatnya lebih mempunyai ciri-ciri aristokrasi (bangsawan) dengan kepimpinan "Titik dari atas" berjinjing naik bertangga turun. Itulah yang dikatakan sistem Lareh Kota Piliang.

Kedua sistem ini dikenal dengan sebutan "Lareh nan Dua". Tidak Lekang dek panas, tidak lapuk dek hujan. Bulat air ke pembuluhan, bulat kata ke muafakat. "Ke laut menuju alur ke darat menuju benar-benar berdiri dengan sendirinya". "Adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah". "Alam berkembang jadikan guru".

Dengan ungkapan-ungkapan adat tersebut lahirlah aturan masyarakat sama ada sistem sosial ketemenggungan ataupun sistem Dato' Perpatih nan Sebatang". Sebenarnya kedua sistem itu bukanlah lain sangat masing-masing tumbuh di alam yang sama. Perpatih dan Temenggung itu ibarat paruh dengan kepak suling bersih membersihkan. Adatnya sama di isi lembaganya sama dituang. Di Negeri Sembilan ini Adat Perpatih dan Temenggung itu terungkap dalam kata-kata yang demikian bunyinya:

Adat beratur terbahagi dua;
Ke laut adat temenggung ke darat adat perpatih;
Ke laut adat temenggung siapa menjala siapa terjun;
Siapakah bersalah bertimbang, siapa berhutang siapa membayar, siapa membunuh siapa kena bunuh.
Hutang darah dibalas darah, hutang nyawa, nyawa padahnya.
Ke darat adat Perpatih:

"Hukum berdiri dengan saksi, Adat berdiri dengan tanda. Mencincang berlandasan, melompat bersetumpuan.
Rumbun bakar berpuntung suluh, curi samin berteras dinding,

Upas racun bersisa makan,
Terpijak benang arang hitamlah tapak”.

‘Hutang bercagar pinjam berganti,
Simpan bertaruh cagar bergadai,
Hutang bertagih, piutang berbayar,
Cagar ditebus, gadai di tawi,
Cincang pampas, bunuh beri balas”.

Demikian setengah daripada perbilangan-perbilangan adat itu.

AMALAN ADAT PERPATIH DALAM MASYARAKAT

Tuan-tuan yang dihormati sekalian,

Sebelum menyentuh tajuk ini elok rasanya saya huraikan sedikit tentang maksud pepatah adat yang sering kali di pertikaikan orang iaitu “Biar mati anak jangan mati adat”. Adat dalam ungkapan ini seperti yang telah diterangkan pada awal-awal tadi ialah “Undang-Undang”. Jadi dalam membuat pertimbangan untuk menjaga keadilan undang-undang kalau yang bersalah itu anak atau keluarga sendiri maka undang-undang hendaklah diutamakan. Tidaklah boleh bak kata orang “kena di mata dipicingkan, kena di perut dikempiskan”. Maka itulah yang dimaksudkan dengan Biar mati anak jangan mati adat bukanlah sebaliknya. Dalam konteks yang lain perkataan “adat” itu maknanya sebagai resam ke laziman atau kebiasaan, kalau dikata;

Adat saya = kelaziman saya
Adat kami di sini = resam kami di sini
Adat Hindu = resam orang beragama Hindu

Dalam ungkapannya adat itu dapat dibahagikan kepada empat kategori:

Pertama, adat yang sebenar adat,
Kedua, adat yang diadatkan,
Ketiga, adat yang terpakai,
Keempat, adat istiadat.

Di antaranya itu yang prinsipnya ialah “Adat yang sebenar Adat” iaitu undang-undang yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas. Hidup bersuku-suku, berlembaga, berbuapak, beranak buah. Mengira keturunan daripada nisab ibu. Berorang semenda dan bertempat semenda, dari Tanah Pusaka Adat.

Akan kata kedua, ketiga dan keempat itu boleh berubah mengikut kebulatan muafakat “Alah adat tegal muafakat”.

Kok panjang boleh di kerat,
Kok pendek boleh di sambung,
Kok sumbing boleh di gimpal.

Usang-usang di baharui,
Lapuk-lapuk dikajangi,
Yang elok di pakai,
Yang lapuk di buang.

Lihat sahaja dalam upacara nikah kahwin dahulu lain sekarang lain. Demikian dengan sikap kaum wanita kita, tidak sama dulu dengan sekarang. Inilah yang dikatakan adat kelaziman yang berubah-ubah dan sapukan beku. Yang ini bukanlah adat Perpatih yang asasi. Kalau yang asasi itu berubah maka musnahlah adat perpatih itu.

Seperti dimaklumi Adat Perpatih itu masuk ke Negeri Sembilan ini adalah dibawa bersama oleh perantau-perantau Minangkabau yang datang dari Luak Lima Puluh Kota, Tanah Datar (Lareh Bodi Ceniaga) dan daerah-daerah sekitarnya kira-

kira dalam K.M XV. Sampai di sini sebagai masyarakat beradat mereka pandai menyesuaikan diri dengan penduduk-penduduk tempatan, Orang Asli serta berlaku persemendaan. Mereka patuh dengan kata-kata "Di mana ranting di patah". Dalam menyusun masyarakatnya sistem adat di Bodi Ceniaga dijadikan panduan di samping itu adat tempatan diserap dan dikembangkan mereka berlandaskan konsep, "Adat bersendi syarak, syarak bersendi Kitabullah. Syarak membatu, adat memakai".

Mana-mana suku itu adalah nama NAGARI tempat mereka di Alam Minangkabau (Batu Hampar, Batu Helang, Paya Kumbuh, Mungkal, Tiga Nenek, Seri Melenggang, Seri Lemak, anak Aceh, Tanah Datar, Tiga Batu, anak Melaka, Baiduanda.

Dengan itu terbentuklah satu sistem pemerintahan adat terdiri daripada beberapa buah Luak dan terungkaplah kata-kata, "Alam beraja, Luak berpenghulu, Suku berlembaga, anak buah Berbuapak. Bulat anak buah membuat buapak, bulat buapak membuat lembaga, bulat lembaga membuat Undang dan demikian seterusnya.

Demikian Adat Perpatih itu teratur dan berkembang hingga sampailah pada zaman Inggeris mencampuri pemerintahan luak-luak itu di negeri ini, maka mulalah kekuasaan adat itu menjadi pudar dan akhirnya bila N. Sembilan membuat persetiaan mengaku bernaung di bawah Penasihat British 1895 maka kekuasaan kerajaan adat itu beralih tangan kepada British.

Namun demikian pada hikmat saya amalan adat itu dalam masyarakat masih belum ada kurangnya lagi. Sistem hidup bersuku-suku masih ada di bumi adat itu. Dato'-Dato' Lembaga dan ketua-ketua adat yang lain masih tetap berfungsi menjalankan tugas masing-masing. Perbilangan "Patah tumbuh hilang berganti" menjadi landasan bila berlaku kehilangan kepada seseorang ketua adat. Orang semenda dan tempat semenda masing-masing dengan peranannya dalam suku-suku. Bila hendak melakukan istiadat berumah tangga mereka elakkan supaya tidak berlaku "kahwin sesuku". Dalam pada itu jika berlaku juga apalah boleh buat. Itu bukanlah adat itu yang langgar hanya sikap masyarakatlah yang dipersoalkan.

Demikian dengan tanah pusaka adat, tanah itu masih dilindungi oleh undang-undang tanah akta 215. tanah itu tetap bukannya hak individu sebaliknya harta bersama kepunyaan suku. Pindah miliknya dikawal oleh Pemungut Hasil tanah dan Dato' Lembaga.

Seterusnya dalam pembahagian harta suami isteri yang bercerai, perbilangan "Dapatan tinggal, bawaan kembali, carian bahagi dua masih diamalkan.

Perkara-perkara itu semualah yang dikatakan asasi dalam Adat Perpatih. Yang lain-lain seperti adat berpuar, adat turun ke sawah, melenggang perut, kenduri kahwin besar-besaran dan seumpamanya itu bukannya Adat Perpatih. Itu kepercayaan-kepercayaan Hindu atau Animisme yang terdapat dalam kebudayaan kita atau kelaziman-kelaziman yang terdapat dalam resam hidup masyarakat.

Saya pernah ditanya orang. Apakah adat itu tidak bertentangan dengan Islam? "saya jawab, tidak. Bahkan dengan masuknya ajaran Islam dalam masyarakat Adat, maka ajaran Islam itu menyempurnakan lagi hukum adat itu". (Adat bersendi syarak,

syarak bersendi Kitabullah) lihat sahaja dalam upacara nikah kahwin dan dalam menyempurnakan jenazah. (huraian)

Selanjutnya ditanya lagi, “Dapatkah adat itu bertahan pada masa akan datang? ‘Dengan sederhana diberikan jawapan? “kehendak Allah tiada siapa yang tahu. Tetapi selagi hukum adat bersendi syarak tetap ada dan selama hukum syarak di anut oleh umatnya, maka kata-kata , “Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas” itu akan dipakaikan seterusnya terhadap Adat Perpatih.

Akhirnya dapatlah dikatakan, hukum adat dalam masyarakat perpatih itu masih diamalkan mengikut ciri-cirinya. Dalam cara hidup sehari-hari ia berjalan seiring dengan undang-undang kewajipan dan hukum agama. Itulah yang dikatakan Tungku Tiga Sejorangan, Tali Berpilin Tiga.

Sekian, disudahi dengan maaf jua sekiranya ada yang tersentuh dan tersinggung, wabillahi taufik wassalamualaikum wa rahmatullah wa barakatuh.